***TALKING POINTS***

- Untuk makluman, Pemilihan tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 iaitu ‘Keluarga Malaysia Teguh Bersama’ adalah selari dengan konsep keharmonian Keluarga Malaysia yang diaspirasikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob.

- Dalam amanat yang disampaikan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Tpr Annuar Haji Musa, Menteri Komunikasi Dan Multimedia menyeru agar seluruh rakyat Malaysia, termasuk penjawat awam di Kementerian dan Agensi dan warga sektor swasta bersama-sama menggelorakan sambutan Bulan Kebangsaan tahun ini dengan mengibarkan Jalur Gemilang. Semarakkan semangat kita dengan melakukan tanggungjawab ini agar kemeriahan sambutan sepanjang Bulan Kebangsaan dapat dirasai.

- Justeru, pihak Jabatan perlu menyahut seruan YAB Perdana Menteri dan mesyuarat ini diadakan bagi merangka beberapa program melalui Unit Perhubungan Awam (UPA) sempena Kempen Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia Tahun 2022.